



PESERTA bergambar selepas karnival sukan.

Karnival Sukan FKSW satukan semua program

UB II. 4. 2019 B2

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni (Permass), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Kelab Komunikasi menganjurkan Program Karnival Sukan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) bagi mencari bakat dalam kalangan mahasiswa.

Program yang dilaksanakan selama dua hari bermula pada 16 – 17 Mac bertempat di Kompleks Sukan UMS, menyasarkan penyertaan mahasiswa dari FKSW.

Pelbagai acara sukan seperti sukan indoor, outdoor dan sukaneka dipertandingkan

iaitu bagi sukan indoor bola jaring, bola tampar dan futsal manakala sukan outdoor pula iaitu acara lompat jauh, lontar peluru, 100m, 200m, 400m, 800m, 1500m, 4x100m dan 4x400m. Bagi acara sukaneka pula terdiri daripada tarik tali, 50m heavyweight 80kg keatas, lari dalam sarung dan futsal sarung.

Timbalan Dekan HEPADR. Mohd Puad Bebit, melahirkan perasaan amat gembira kerana sukan pada kali ini sangat meriah. " Ini menunjukkan mahasiswa/i ada semangat cinta akan FKSW. Diharapkan pada sesi akan datang sukan FKSW akan lebih gemilang," katanya.

Objektif utama program ini ialah untuk membina semangat kerjasama di antara pelajar dalam satu pasukan.

Selain itu, ini adalah platform terbaik untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dan pensyarah disamping melahirkan para mahasiswa yang cerdas dan cergas fizikal dan mental.

Diharapkan melalui pengajuran program melibatkan golongan muda yang terdiri daripada pelbagai peringkat ini akan terus menjadi satu medium khasnya untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kerjasama dalam kalangan mahasiswa serta pensyarah FKSW.